

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 10 TAHUN 2019

PANDUAN PERLAKSANAAN PERMOHONAN PECAH BAHAGIAN DI BAWAH SEKSYEN 143A KANUN TANAH NEGARA 1965

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 13/2019 yang bersidang pada 02 Julai 2019 melalui Kertas Bil.13/2019/D 2 (2) telah meluluskan garis panduan permohonan Pecah Bahagian di bawah seksyen 143A Kanun Tanah Negara 1965.
2. Selepas pindaan Kanun Tanah Negara 1965 melalui Akta 1333, umpukan akibat pecah bahagian kategori "pertanian" atau kepada syarat yang menghendaki kegunaannya untuk maksud "pertanian" yang berkeluasan kurang daripada keluasan minimum iaitu 2/5 hektar (1/5 hektar bagi penggunaan di negeri Kelantan-Rujuk Seksyen 440 Kanun Tanah Negara) boleh dibuat permohonan pecah bahagian dan kuasa melulus adalah Pihak Berkuasa Negeri.
3. Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan apa-apa syarat kegunaan tiap-tiap umpukan tanah yang dipecah bahagi itu. Syarat kegunaan yang ditetapkan itu hendaklah mematuhi peruntukan di bawah Seksyen 136(1)(g) dan Seksyen 115(4) Kanun Tanah Negara 1965 melalui pengesyoran yang akan dibuat oleh Pentadbir Tanah.
4. Garis panduan ini akan dijadikan panduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah dalam memberi pengesyoran bagi permohonan di bawah seksyen 143A Kanun Tanah Negara 1965, sebagaimana berikut:

- 4.1 Jika telah terdapat bangunan kediaman di dalam umpukan yang dipecah bahagi yang kurang daripada 2/5 hektar, Pentadbir Tanah di dalam pengesyorannya perlu merujuk kepada seksyen 115(4) Kanun Tanah Negara 1965 dalam memberi pertimbangan. 'Perkawasan atau Zoning' Pihak Berkuasa Tempatan atau 'non compliance' dengan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang tidak mengatasi kuatkuasanya seksyen 143A Kanun Tanah Negara 1965.
- 4.2 Bagi permohonan yang melibatkan umpukan akibat pecah bahagi yang bentuk dan keluasannya bagi pentadbir tanah tidak lagi sesuai untuk dikekalkan syarat pertanian (seksyen 136(1)(g) Kanun Tanah Negara 1965), pentadbir tanah hendaklah mengesyorkan supaya umpukan/ petak berkenaan ditukar syarat kepada syarat yang lebih sesuai dengan mengambil kira kehendak seksyen 136(1)(h) seksyen 141(2) Kanun Tanah Negara 1965 iaitu satu jalan keluar masuk ke lot berkenaan ke jalan awam dan jalan akses untuk setiap umpukan pecah bahagian.
- 4.3 Bagi permohonan yang melibatkan seksyen 141A atau seksyen 145 Kanun Tanah Negara 1965, keengganan pemohon melakukan pembayaran bagi pihak tuannya umpukan yang dikenakan syarat selain dari pertanian atau tuannya umpukan sendiri enggan menjelaskan bayaran yang dikenakan ke atas umpukan berkenaan (Kaedah 13 Kaedah Tanah Kelantan 1966) setelah notis tuntutan bayaran tidak diendahkan oleh tuannya umpukan berkenaan.
- 4.4 Jika umpukan yang dipecah bahagi itu masih mengekalkan syarat asal "pertanian", Pentadbir Tanah boleh mengenyepikan syarat yang dinyatakan dalam perenggan (h) subseksyen (1) seksyen 136 Kanun Tanah Negara 1965 sebagaimana peruntukan seksyen 141(3) Kanun Tanah Negara 1965 tanpa mengabaikan seksyen 142(2) Kanun Tanah Negara 1965 dalam membuat pengesyorannya.

5. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Tersebut.



.....
DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha/ Yang Mulia
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Kerajaan Tempatan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO : PTG.KN.22/1/140
BERTARIKH : 21 ZULHIJJA 1440 H
25 OGOS 2019